



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

22 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Beberapa hari kebelakangan ini, jumlah kes jangkitan COVID-19 telah menurun sehingga kurang daripada 5,000 kes sehari.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan semasa kita tidak boleh selesa dengan trend kes yang dilihat masih tidak stabil dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu dikekalkan segenap lapisan masyarakat.

Amalan pematuhan SOP pada setiap masa amat penting kerana kita boleh mengurangkan penularan jangkitan sekali gus melandai lengkuk COVID-19.

Justeru, saya berharap semua pihak memainkan peranan ini termasuk meningkatkan kawalan sendiri untuk keselamatan dan kesihatan bersama.

PKPD 2 lokaliti di Kunak, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kunak, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Pangi Hujung
- Kampung JKR Lama

Sehingga kini, KKM telah melakukan 16 ujian saringan di Kampung Pangi Hujung dan 11 kes direkodkan manakala di Kampung JKR Lama, sebanyak 15 kes dikesan hasil daripada 42 saringan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti di Kunak, Sabah seperti dinyatakan berkuat kuasa pada 24 Jun sehingga 7 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 200 ujian saringan dan 22 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Kebayau, Kota Belud, Sabah bermula 24 Jun sehingga 7 Julai 2021.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Sandakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:

- Kampung Sungai Obar, Batu 7
- Fasa 9B Taman Indah Jaya

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 326 ujian saringan dan 52 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan trend kes telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 23 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Sungai Penchala, WP Kuala Lumpur

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Penchala, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 307 ujian saringan dan 46 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan trend kes telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sungai Penchala, WP Kuala Lumpur pada 23 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 2 lokaliti di Kudat, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kudat, Sabah yang dijadualkan tamat pada 24 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Kampung Sin San
- Kampung Singgahmata, Pulau Banggi

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 82 ujian saringan dan 17 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 23 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 218 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 91,112 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,194 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,653 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 959 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 923 individu dikompaun manakala 36 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (251)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (198)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (144)
- Tidak memakai pelitup muka (134)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (84)
- Membawa penumpang berlebihan (64)
- Premis gagal patuhi arahan (19)
- Aktiviti pusat hiburan (4)
- Lain-lain (61)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 35 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tujuh (7) buah kenderaan darat serta empat (4) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 158 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 13 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 948 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

| | |
|---------------------------------|-----------|
| Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA) | - 894 SJR |
| Op BENTENG PDRM | - 45 SJR |
| Op BENTENG AKSEM | - 9 SJR |

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 128 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 63 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (3).

Operasi sanitasi ini melibatkan 726 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 196 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 130 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,663 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 404 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 231,495 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 74 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,040 individu telah dikuarantin dan 220,679 orang dibenarkan pulang manakala 2,776 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 736 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (557), pemborong (150) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,943 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,938 premis mematuhi SOP manakala lima (5) lagi dikenakan kompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 85 warga asing telah menjalani ujian saringan dan lima (5) kes positif COVID-19 telah direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 699,399 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,306 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,360 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 689,039 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**